


Headline	Syor sekretariat khusus selaras latihan kemahiran		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	15 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	14,15
ArticleSize	1506 cm <sup>2</sup>	Journalist	Rizanizam Abdul
PR Value	RM 155,739		


**EKSCO PEMUDA BN 2018**

# Syor sekretariat khusus selaras latihan kemahiran

Penubuhan elak pertindihan tugas, mudah capai kumpulan sasar: TPM

Oleh Rizanizam Abdul Hamid, Farhana Syed Nokman, Syanty Octavia Amry dan Seri Nor Nadiah Koris  
 cnews@nsp.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan penubuhan sebuah sekretariat khusus untuk menyelesaikan dan menyenaraikan latihan kemahiran ditawarkan pelbagai agensi kerajaan serta swasta di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri ketika mencadangkan penubuh-



Saya harap sekretariat latihan ini dapat ditubuhkan kerana kita tidak mahu berlaku pertindihan pelaksanaan agensi berkaitan"

Ahmad Zahid Hamidi,  
 Timbalan Perdana Menteri

han itu, berkata sekretariat terbabit bertujuan mengelakkan pertindihan tugas dan usaha terhadap orang muda yang menjadi kumpulan sasar.

**Pengerusi sekretariat**

"Saya harap sekretariat latihan ini dapat ditubuhkan kerana kita tidak mahu berlaku pertindihan pelaksanaan oleh agensi yang berkaitan dan ia (usaha) boleh terus dilakukan oleh agensi dan badan berkenaan (melalui sekretariat).

"Saya amat yakin, jika kerajaan bersetuju, untuk berikan peluang kepada YB KJ (Pengerusi Pemuda BN) merangkap Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar), sebagai pengerusi sekretariat ini pasti penyelarasannya akan dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Ekspo Pemuda BN 2018 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Khairy dan Naib Ketua Pemuda UMNO merangkap Pengerusi Pengajur Expo Pemuda BN, Khairul Azwan Harun.



Pengunjung dibantu kakitangan TNB ketika mengisi borang kerja.

Orang ramai mengunjungi gerai pameran TERAJU.

Headline	Syor sekretariat khusus selaras latihan kemahiran		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	15 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	14,15
ArticleSize	1506 cm <sup>2</sup>	Journalist	Rizanizam Abdul
PR Value	RM 155,739		

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



Ahmad Zahid diiringi Khairy Jamaludin dan Khairul Azwan disambut orang ramai pada majlis Pelancaran Ekspos Pemuda 2018 di PWTC, semalam.



Sudah lama saya bekerja sebagai pereka grafik sebuah syarikat automotif. Melihat himpunan syarikat besar yang ada di sini, menarik minat saya mencuba nasib”

*Lee Cun Lin,  
Pereka grafik*



Walaupun tidak sempat meninjau semua tapak pameran, tetapi saya gembira menjadi daripada sebahagian pengunjung untuk mencuba nasib mendapatkan pekerjaan diinginkan”

*Lutfi Hadi Ismail,  
Pengunjung*



Pengunjung membuat pendaftaran masuk ke Ekspos Pemuda 2018.



Kami sentiasa peka dalam sama-sama membantu dan berharap lebih ramai anak muda hadir ke ekspos ini”

*Rina Sarif,  
Pengurus Besar TNB*